



Headline: Macau Scam intai wang ahli KWSP
Publication/Portal: Kosmo
Date: 18 April 2022

Language: Malay
Section: Negara
Page: 2

Sasar pencarum yang bakal terima RM10,000 mulai 20 April ini

Macau Scam intai wang ahli KWSP

Oleh NOR AZIAH MAT NOH
dan HARRITH HISHAM



Scammer intai peluang tipu 5.3 juta ahli KWSP

SINDIKET penipuan kini dikatakan sedang ligat untuk memerangkap 5.3 juta ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bakal menerima RM40.1 bilion di bawah kemudahan permohonan pengeluaran khas mulai 20 April ini melalui pelbagai taktik licik untuk memperdayakan mangsa.

BERITA DI MUKA 2

PETALING JAYA – Polis mengesan sindiket *Macau Scam* ketika ini sedang ligat menyasarkan banyak pihak terutama 5.3 juta ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bakal menerima wang RM40.1 bilion keseluruhan mulai 20 April ini untuk diperdaya.

Ia ekoran tular di laman sosial memaparkan orang ramai berkongsi mesej penipuan yang diterima kononnya akaun kewangan pencarum dibekukan dan menyukarkan pengeluaran KWSP.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Mohd. Kamarudin Md. Din berkata, sindiket akan menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) menggunakan kod percuma iaitu 63839 kepada mangsa secara rambang.

Katanya, SMS itu mengatakan mangsa perlu menjelaskan tunggakan pembiayaan atau pinjaman daripada institusi kewangan jika tidak mahu proses pengeluaran KWSP menjadi sulit.

"Mangsa akan diberi beberapa nombor untuk dihubungi kononnya bagi menyelesaikan masalah tersebut. Jika dihubungi, mangsa akan disambungkan kepada balai polis, mahkamah atau Lembaga Hasil Dalam Negeri palsu.




KAMARUDIN

"Mangsa yang terpedaya akan menyerahkan butiran peribadi perbankkan kepada sindiket sebelum menyedari telah ditipu apabila mendapati duit di dalam akaun bank lesap," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*

Menurut Kamarudin, polis atau pihak berkuasa lain tidak akan meminta butiran perbankkan mana-mana pihak dan orang ramai dinasihatkan supaya lebih berhati-hati supaya tidak tertipu. Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, pihaknya menerima banyak aduan mengenai sindiket tersebut sejak awal bulan ini.

"Peningkatan sebanyak 20 peratus berbanding daripada bulan-bulan lain.

"Ini menunjukkan sindiket be-



SINDIKET *Macau Scam* sentiasa muncul walaupun ada ahlinya telah ditangkap menerusi operasi dan serbuan yang banyak dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia. – GAMBAR HIASAN

gitu peka dengan perkembangan semasa dan akan terus memperdaya mereka yang tidak ambil tahu mengenai amaran dan peringatan pihak berkuasa mengenai modus operandi sedemikian," katanya.

Menurut Nadzim, sindiket berkenaan turut menggunakan pelbagai cara sama ada dalam bentuk tawaran, saman dan tunggakan pinjaman bagi menda-

patkan perhatian mangsa.

"Kebiasaannya, mereka akan menggunakan taktik seperti tawaran pelaburan, kerja, tunggakan pinjaman dan saman.

"Jadi orang ramai perlu berhati-hati dan tidak sesekali mendedahkan maklumat peribadi terutama akaun bank dan alamat rumah supaya tidak terpalit dengan kes penipuan," ujarnya.

Dalam pada itu, Nadzim me-

nasihatkan orang ramai untuk memaklumkan kepada PPIM sebelum membuat sebarang komitmen.

"Kita tahu ada banyak jenis tawaran. Ada juga yang tawar sebagai ejen dan pengedar produk. Bagaimanapun, sebelum membuat komitmen, mereka boleh maklumkan kepada kami. Sekurang-kurangnya kami tahu dan pengguna juga tidak rugi," jelasnya.